

JAS Labuan ambil tindakan undang-undang terhadap premis industri

LABUAN: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Labuan telah mengambil tindakan undang-undang terhadap beberapa premis industri yang gagal mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Pengarahnya Yaras Yusup berkata kertas siasatan sedang disediakan bagi tindakan mahkamah terhadap dua pengusaha premis kerana melakukan kesalahan melepaskan efluen perindustrian.

Beliau turut mendedahkan seorang pengusaha premis industri dikenakan kompaun RM4,000 kerana melakukan aktiviti pembakaran terbuka tanpa permit yang merupakan kesalahan mengikut Seksyen 29A (3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Kesemua kes ini direkodkan pada suku tahun pertama tahun ini dan kami memandang serius berhubung isu alam sekitar di pulau ini.

"Kita perlu mengingatkan orang awam terutama yang menduduki kawasan taman perumahan dan premis industri agar tidak melakukan pembakaran terbuka tanpa permit atau mereka akan dikenakan kompaun," katanya kepada *Bernama* pada Jumaat.

Beliau berkata dua premis industri didapati melakukan kesalahan berkaitan

alam sekitar masing-masing dikompaun RM12,000 dan RM8,000.

"Kami juga telah menyerahkan kertas siasatan berhubung kesalahan alam sekitar oleh dua lagi premis industri kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Sabah untuk tindakan lanjut," katanya.

Yasar berkata JAS Labuan telah memasang beberapa stesen pemantauan (udara, darat dan air) untuk memantau pencemaran alam sekitar.

"Sekiranya berlaku pencemaran di darat, laut atau di udara, kami boleh mengesannya kerana bacaan di stesen ini akan meningkat," katanya.

Yasar berkata JAS Labuan juga telah memasang stesen pemantauan air marin di Rusukan Kecil dan Rusukan Besar bagi memastikan tiada pencemaran berlaku di perairan kedua-dua taman laut itu.

Sementara itu, JAS Labuan telah menganjurkan Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS) sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2023 kepada pelajar sekolah di pulau bebas cukai itu minggu lepas (15 Julai).

KeKAS merupakan satu daripada program JAS bertujuan untuk mewujudkan kesedaran alam sekitar kepada kumpulan sasar dan program itu ditaja oleh JX Nippon Oil and Gas Exploration (Malaysia) Limited. - *Bernama*